

‘Terlepas peluang jadi lebih maju’

PM jamin tadbir negara dengan baik selaras konsep MADANI



Daripada Adha Ghazali di Bangkok
adha@bh.com.my

Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, Malaysia memiliki peluang untuk berkembang sebagai negara demokrasi yang penting, selain kuasa ekonomi yang berjaya, namun terlepas disebabkan tadbir urus lemah, korupsi serta penyalahgunaan kuasa.

Bagaimanapun, Perdana Menteri memberi jaminan, negara kini ditadbir dengan baik dan bertanggungjawab selaras konsep MADANI digagaskan untuk semua rakyat Malaysia.

“Suka atau tidak, ia satu realiti yang teruk. Fakta ini perlu diakui bahawa kita boleh bergerak dengan lebih konfiden dan menentukan keutamaan serta maju dengan penuh yakin.

“Untuk Malaysia, saya percaya negara dan rakyat layak menerima yang terbaik.

“Sekarang apabila sudah ada peluang, tidak kira apa diperkatakan (pembangkang), mereka (kerajaan) akan memastikan Malaysia ditadbir dengan baik dan bertanggungjawab untuk Malaysia.

“Inilah yang dimaksudkan dengan MADANI untuk rakyat Malaysia,” katanya ketika berucap sempena majlis minum petang bersama kelompok diaspora Malaysia, di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Duta Besar Malaysia di Bangkok, Datuk Jojie Samuel.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menegaskan Kerajaan Perpaduan tidak akan sekali-kali berkompromi soal berkaitan tadbir urus yang baik dan usaha menghapuskan rasuah.

Memberi contoh agihan kontrak, katanya, setiap projek yang diluluskan pada masa lalu perlu melalui tapisan untuk memastikan ia telus.

“Malaysia sebuah negara hebat tidak layak untuk ini (mundur disebabkan rasuah dan tadbir urus lemah. Kita ada Melayu, Cina dan India yang berkebolehan yang mana kita semua boleh bekerja bersama, begitu juga mereka di Sabah dan Sarawak.

“Pilih (kontraktor) yang terbaik dan tolak mereka yang korup serta mereka yang hanya hidup disebabkan amalan rasuah.

“Seorang pemimpin yang biasa-biasa sahaja tidak boleh bertahan dalam dunia yang kompetitif ini kecuali untuk orkestrasi, manipulasi dan taktik Machiavelli (taktik politik kuasa) mereka menggunakan kaum, wilayah atau agama,” katanya.

Dalam pada itu, beliau mengakui, ramai bercakap mengenai perkara kurang baik mengenai Kerajaan Perpaduan, namun sepanjang lebih dua bulan ini hasil ditunjukkan tersangat baik.

“Selain saya sendiri, ada dua lagi ahli, iaitu Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof dan mereka ini bukan calang-calang Timbalan Perdana Menteri.

“Saya beri kepercayaan kepada mereka dengan tanggungjawab masing-masing, agihkan mereka dengan kuasa untuk memastikan kami bekerja sebagai sebuah pasukan yang mantap,” katanya.



Anwar bersama Dr Wan Azizah hadir pada majlis minum petang bersama diaspora Malaysia di Bangkok, semalam. (Foto BERNAMA)

Kedamaian di selatan Thailand diutamakan

Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan yang Malaysia tidak akan merestui apa-apa tindakan berunsurkan keganasan, dalam mencari penyelesaian konflik di selatan Thailand.

Pendirian itu ditegaskan Perdana Menteri, ketika mengulas konflik selatan Thailand yang sudah berlarutan sekian lama, dengan Malaysia sendiri berkongsi matlamat sama untuk mengekal dan memastikan keamanan berterusan bagi kedua-dua negara.

Mengenai lawatan beliau, Perdana Menteri berkata tumpuan terarah kepada usaha menyelesaikan segera masalah yang tertangguh sekian lama, namun juga terarah dalam soal ekonomi.

“Thailand sebagai contoh bagus dalam soal itu dan baik juga dalam aspek keselamatan makanan. Kita pula lebih cemerlang dalam getah dan sawit, tetapi dalam isu makanan umumnya kita ketinggalan dan itu penting di-

ambil kira.

“Malaysia dan Thailand bersama-sama ASEAN, menzahirkan kebimbangan (mengenai konflik di selatan Thailand) dan pada masa sama memperkerui apa yang berlaku di sana adalah isu dalaman Thailand.

“Namun, ia tugas kami sebagai jiran dan keluarga yang baik untuk memudah cara proses itu (rundingan damai konflik selatan Thailand). Sebab itu kita setuju melantik bekas Panglima Angkatan Tentera sebagai fasilitator, untuk be-

kerja dan mencari jalan membantu.

“Beberapa bidang lain seperti teknologi maklumat, pengangkutan, tenaga kita lihat Thailand lebih ke depan, jadi kita mesti memanfaatkan” katanya.

“Saya secara peribadi dikenali ramai rakan di selatan Thailand dan isu kekurangan rasa percaya, kebimbangan mengenai soal budaya dan agama akan diberikan perhatian,” katanya semalam.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, rakan sejawatnya melalui pertemuan bersejua bahawa kepentingan pembangunan hubungan dua hala perlu diteruskan.

Terdahulu, Perdana Menteri tiba di Terminal Udara 2 Tentera Udara Diraja Thailand, untuk memulakan lawatan rasmi dua hari ke Thailand.

Ketibaan Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, kira-kira jam 1 tengah hari disambut Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Luar Thailand, Don Pramudwinai sebagai mewakili kerajaan Thailand.

Turut serta menyambut ketibaan itu adalah Zambry; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad serta Jojie.